

Penjajaran Kurikulum Bahasa Arab Pengajian Tinggi dengan CEFR: Tinjauan Kefahaman dan Persepsi Tenaga Pengajar di Universiti Sains Islam Malaysia

(Alignment Of Higher Education Arabic Language Curriculum with CEFR: A Survey on Instructors' Understanding and Perception at Universiti Sains Islam Malaysia)

Muhammad Izuan Abd Gani¹, Mohd Nizwan Musling^{2*}, Wan Muhammad Shaker Wan Adnan³, Mohd Adi Amzar Muhammad Nawawi⁴, Haryati Yaacob⁵

¹Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Email: izuanis@usim.edu.my

²Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Email: mohdnizwan@usim.edu.my

³Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Email: wanshaker@usim.edu.my

⁴Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Email: adiamzar@usim.edu.my

⁵Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Email: haryati@usim.edu.my

ABSTRAK

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Mohd Nizwan Musling
(mohdnizwan@usim.edu.my)

KATA KUNCI:

Pengajaran Bahasa Arab
Bahasa Arab Pengajian Tinggi
Kemahiran Bahasa Arab
CEFR
Tranformasi Pendidikan

KEYWORDS:

Arabic Language Teaching
Arabic Language in Higher
Education
Arabic Language Proficiency
CEFR
Educational Transformation

Common European Framework of Reference for Languages (CEFR) telah diperkenalkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sebagai satu inisiatif untuk menetapkan piawaian antarabangsa dalam menilai tahap penguasaan bahasa dalam kalangan pelajar di Malaysia. Kursus Bahasa Arab di USIM tidak terkecuali dalam usaha penjajaran ini, selaras dengan Pelan Hala Tuju Pemantapan Bahasa Antarabangsa yang digariskan oleh KPT. Meskipun CEFR telah diguna pakai secara rasmi dalam pendidikan Bahasa Inggeris, pelaksanaannya dalam pengajaran Bahasa Arab di peringkat pengajian tinggi masih terhad dan berada pada tahap awal pelaksanaan. Antara cabaran utama termasuklah kurangnya pendedahan, latihan, dan kefahaman dalam kalangan tenaga pengajar terhadap struktur, tahap serta deskriptor yang terkandung dalam dokumen CEFR. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bagi: i) mengenal pasti tahap kefahaman guru Bahasa Arab di USIM terhadap struktur dan komponen CEFR; dan ii) menganalisis persepsi mereka terhadap keberkesanan CEFR. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif

CITATION:

Muhammad Izuan, A. G., Mohd Nizwan, M., Wan Muhammad Shaker, W. A., Mohd Adi Amzar, M. N., & Haryati, Y. (2026). Penjajaran Kurikulum Bahasa Arab Pengajian Tinggi dengan CEFR: Tinjauan Kefahaman dan Persepsi Tenaga Pengajar di Universiti Sains Islam Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 11(8), e004152. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v11i8.4152>

berasaskan pendekatan deskriptif. Instrumen soal selidik berstruktur telah diedarkan kepada 17 orang guru Bahasa Arab dari Unit Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU) dan Pusat Tamhidi, USIM bagi memperoleh gambaran menyeluruh berhubung kefahaman dan persepsi mereka terhadap penjajaran CEFR. Data dianalisis secara deskriptif menggunakan perisian SPSS. Hasil kajian mendapati bahawa tahap kesiapsiagaan dan persepsi guru Bahasa Arab terhadap pelaksanaan CEFR secara keseluruhannya adalah sangat positif. Responden memberikan sokongan padu terhadap anjakan pedagogi berorientasikan komunikasi, kejelasan indikator pentaksiran, dan peningkatan kredibiliti kurikulum di peringkat global, walaupun aspek penyesuaian kerangka masih perlu diperhalusi mengikut acuan keilmuan dan budaya tempatan. Kajian ini memberikan implikasi signifikan terhadap penambahbaikan dasar dan amalan pengajaran Bahasa Arab di USIM, terutamanya dalam merangka modul latihan berterusan serta panduan pelaksanaan CEFR yang berasaskan kemahiran, kontekstual, dan selari dengan aspirasi pendidikan bahasa di peringkat kebangsaan mahupun global.

ABSTRACT

The Common European Framework of Reference for Languages (CEFR) was introduced by the Ministry of Higher Education (MOHE) as an initiative to establish an international standard for assessing language proficiency among students in Malaysia. Arabic language courses at USIM are no exception to this alignment effort, which is in accordance with the Roadmap for the Empowerment of International Languages outlined by the MOHE. Although the CEFR has been officially adopted in English language education, its implementation in Arabic language instruction at the tertiary level remains limited and is still in its infancy. Key challenges include a lack of exposure, training, and comprehension among educators regarding the structures, proficiency levels, and descriptors outlined in the CEFR document. Consequently, this study was conducted to: i) identify the level of understanding among Arabic language instructors at USIM concerning the structures and components of the CEFR; and ii) analyze their perceptions of its effectiveness. This study employed a quantitative research design utilizing a descriptive approach. A structured questionnaire was distributed to 17 Arabic language instructors from the Arabic Language Unit, Faculty of Major Language Studies (FPBU), and the Tamhidi Centre at USIM to obtain a comprehensive overview of their understanding and perceptions regarding the CEFR alignment. The data were analyzed descriptively using SPSS software. The findings revealed that the overall level of readiness and the perceptions of Arabic language instructors toward the implementation of the CEFR are highly positive. Respondents demonstrated strong support for the shift toward communication-oriented pedagogy, the clarity of assessment indicators, and the enhancement of

the curriculum's global credibility, although the localization of the framework requires further refinement to align with local academic and cultural contexts. This study offers significant implications for the improvement of Arabic language teaching policies and practices at USIM, particularly in developing continuous training modules and CEFR implementation guidelines that are skill-based, contextualized, and aligned with both national and global language education aspirations.

1. Pengenalan

Bahasa merupakan medium utama komunikasi, penyampaian ilmu, pembinaan identiti dan interaksi sosial dalam kehidupan manusia. Dalam konteks pendidikan tinggi, penguasaan bahasa bukan sahaja berfungsi sebagai alat komunikasi, malah menjadi medium penting dalam pembangunan kompetensi akademik, profesional dan kebolehpasaran graduan. Seiring dengan perkembangan globalisasi, mobiliti antarabangsa dan peningkatan keperluan komunikasi rentas budaya, sistem pendidikan bahasa di seluruh dunia semakin memberi penekanan kepada pembangunan standard kompetensi bahasa yang boleh diukur, dibandingkan dan diiktiraf secara universal (Council of Europe, 2020; North, 2014). Keadaan ini telah mendorong pelbagai negara untuk mengadaptasi kerangka rujukan bahasa yang dapat menyediakan piawaian yang konsisten bagi tujuan pengajaran, pembelajaran dan pentaksiran bahasa.

Dalam konteks tersebut, *Common European Framework of Reference for Languages* (CEFR) telah diterima secara meluas sebagai kerangka rujukan antarabangsa bagi pengajaran, pembelajaran dan pentaksiran bahasa. CEFR menyediakan deskriptor kompetensi bahasa yang sistematik melalui enam tahap penguasaan, iaitu A1 hingga C2, yang membolehkan institusi pendidikan membangunkan kurikulum dan pentaksiran berdasarkan standard yang boleh dibandingkan di peringkat global. Sejak penerbitan buku *CEFR Companion Volume* pada tahun 2020, kerangka ini semakin digunakan dalam pembangunan kurikulum bahasa di pelbagai negara dan merentasi pelbagai bahasa, bukan hanya bahasa-bahasa Eropah.

Malaysia Adalah antara negara yang melaksanakan transformasi pendidikan bahasa selaras dengan kerangka CEFR. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk meneroka penjajaran CEFR dalam kurikulum bahasa Arab di pengajian tinggi dengan memfokuskan kepada tinjauan terhadap kefahaman dan persepsi guru bahasa Arab di USIM. Kajian ini bertujuan untuk menilai sejauh mana para pendidik memahami deskriptor tahap (A1 hingga C2) dalam konteks kemahiran bahasa Arab serta bagaimana persepsi mereka terhadap penjajaran CEFR dalam kurikulum Bahasa Arab. Dapatan kajian ini diharapkan dapat memberikan input kritikal kepada pihak pengurusan universiti dan penggubal dasar kurikulum dalam merangka modul latihan yang lebih sasar bagi memperkukuh pelaksanaan CEFR di peringkat pengajian tinggi.

1.1. Permasalahan Kajian

Pengantarabangsaan Pendidikan Tinggi di Malaysia, menuntut penjajaran kompetensi bahasa dengan piawaian global, khususnya melalui kerangka *Common European Framework of Reference for Languages* (CEFR). Seajar dengan agenda ini, institusi pengajian tinggi berteraskan Islam seperti Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) turut

mengambil langkah strategik mengintegrasikan kerangka CEFR ke dalam kurikulum Bahasa Arab bagi mewujudkan penjajaran yang sistematik antara hasil pembelajaran, aktiviti pengajaran dan pentaksiran berdasarkan tahap kecekapan bahasa yang diiktiraf di peringkat antarabangsa (Mohamed, 2023).

Penjajaran kurikulum bahasa Arab kepada CEFR Adalah relevan bagi mentransformasikan pedagogi daripada kaedah hafalan tradisional dan penguasaan struktur bahasa kepada pendekatan komunikatif yang berteraskan kecekapan fungsional dan penggunaan bahasa secara bermakna dalam situasi sebenar (Graves & Garton, 2017; Council of Europe, 2020). Keberkesanan pelaksanaan dasar ini bertindak sebagai penentu utama bagi kebolehpasaran graduan, di mana ia memastikan pelajar memiliki kompetensi linguistik yang dinilai secara telus, distandardkan, dan diperakui di peringkat antarabangsa.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan CEFR sebagai perubahan dasar sedia ada yang digerakkan secara atas ke bawah (*top-down*) sering menimbulkan cabaran dari segi kesediaan kognitif, penerimaan dan persepsi guru terhadap perubahan pedagogi yang diperlukan (Alih et al., 2021). Mengadaptasi kerangka luar sering kali menimbulkan jurang antara aspirasi dasar dengan kesediaan pelaksana di peringkat institusi. Pelaksanaan CEFR sebagai dasar pendidikan yang diperkenalkan secara *top-down* memerlukan proses adaptasi kontekstual mengikut acuan tempatan serta pembangunan kapasiti guru, khususnya apabila diaplikasikan kepada bahasa yang mempunyai ciri linguistik dan sosiobudaya yang berbeza seperti Bahasa Arab (Mohamed, 2023; Alih et al., 2020, Abd Gani et al., 2025). Tanpa kefahaman dan dokongan pedagogi yang mencukupi, pelaksanaan kurikulum baharu berisiko terhad kepada pematuhan terhadap dokumen kurikulum atas kertas tanpa menghasilkan perubahan sebenar dalam amalan pengajaran dan pembelajaran seperti yang diharapkan (Fullan, 2016)

Disamping itu, menurut Zaki & Darmi (2021), ekosistem penyelidikan dan pembangunan modul latihan CEFR di Malaysia didominasi secara mutlak oleh landskap pengajaran bahasa Inggeris (ESL). Ia jelas dapat dilihat dari aspek pembangunan kurikulum, latihan guru dan pentaksiran, manakala penyelidikan berkaitan penerapannya dalam pendidikan Bahasa Arab masih berkembang pada skala yang sangat terhad (Abdullah et al., 2023). Situasi ini menggambarkan kewujudan jurang yang ketara dalam ekosistem pendidikan Bahasa Arab, khususnya dari aspek pendedahan, kefahaman dan pengetahuan warga pendidik terhadap pelaksanaan serta pengintegrasian CEFR dalam kurikulum dan amalan pengajaran.

Justeru, kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif deskriptif bagi menilai secara empirikal tahap kefahaman dan persepsi guru Bahasa Arab di USIM terhadap pelaksanaan CEFR. Penelitian terhadap kedua-dua konstruk ini penting kerana kejayaan sesuatu reformasi kurikulum bukan sahaja bergantung kepada kejelasan dasar, malah turut dipengaruhi oleh tahap kefahaman, penerimaan dan keupayaan warga pendidik menterjemahkan dasar tersebut ke dalam amalan pedagogi.

1.2. Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini adalah, (i) mengenal pasti tahap kefahaman guru Bahasa Arab di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) terhadap struktur, tahap, dan komponen utama *Common European Framework of Reference for Languages* (CEFR) dalam pelaksanaan kurikulum Bahasa Arab peringkat universiti, dan (ii) menganalisis persepsi guru Bahasa

Arab terhadap keberkesanan pelaksanaan CEFR dalam meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab, khususnya dari aspek penguasaan kemahiran bahasa, pentaksiran, dan pencapaian pelajar.

2. Sorotan Literatur

2.1 CEFR sebagai Kerangka Standard Pendidikan Bahasa

Common European Framework of Reference for Languages (CEFR) merupakan satu kerangka antarabangsa yang dibangunkan oleh Majlis Eropah (*Council of Europe*) bagi menyediakan satu sistem standard dalam pembangunan kurikulum, pengajaran, pembelajaran dan pentaksiran bahasa. CEFR menggariskan enam tahap kecekapan bahasa, iaitu A1 hingga C2, berdasarkan keupayaan pengguna menggunakan bahasa dalam situasi komunikasi sebenar melalui pendekatan berorientasikan tindakan (*action-oriented approach*) (Council of Europe, 2020). Berbeza daripada pendekatan tradisional yang menekankan penguasaan struktur dan tatabahasa bahasa semata-mata, CEFR memberi penekanan terhadap pembangunan kompetensi komunikatif dan keupayaan pengguna bahasa bertindak sebagai agen sosial dalam pelbagai konteks penggunaan bahasa (Little, 2011; North, 2014).

Situasi terkini memperlihatkan bahawa kebanyakan negara mula menggunakan CEFR dan menjadikannya sebagai satu dasar pendidikan berkaitan dengan bahasa. Ini kerana CEFR yang berfungsi sebagai kerangka, menyokong penjajaran hasil pembelajaran, kurikulum dan pentaksiran bahasa agar lebih telus, sistematik dan setanding di peringkat antarabangsa. Penggunaan deskriptor CEFR membolehkan institusi pendidikan menetapkan standard pencapaian bahasa yang lebih objektif, sekali gus memudahkan pengiktirafan kompetensi bahasa dalam konteks mobiliti akademik dan kebolehpasaran graduan (Piccardo & North, 2019).

Perkembangan CEFR turut melangkaui bahasa-bahasa Eropah apabila kerangka ini mula diadaptasi dalam pengajaran bahasa asing lain termasuk Bahasa Arab. Walau bagaimanapun, beberapa sarjana menegaskan bahawa pengadaptasian CEFR memerlukan penelitian dan pengubahsuaian yang mengambil kira ciri linguistik, budaya dan konteks penggunaan sesuatu bahasa agar pelaksanaannya benar-benar memenuhi keperluan pembelajaran setempat (Beacco et al., 2016, Abd Gani et. al., 2025). Dalam konteks ini CEFR dilihat sebagai satu kerangka yang bersifat fleksibel dan kontekstual kerana ia boleh diadaptasi selaras dengan kepelbagaian ciri bahasa serta budaya secara inklusif

2.2 Pelaksanaan CEFR dalam Pengajian Tinggi Malaysia

Pelaksanaan CEFR dalam institusi pengajian tinggi di Malaysia merupakan sebahagian daripada agenda transformasi pendidikan bahasa yang bertujuan menyelaraskan kurikulum, hasil pembelajaran, pedagogi dan pentaksiran dengan standard antarabangsa. Walaupun pelaksanaan CEFR telah diperkenalkan melalui *Malaysian English Language Education Roadmap* (2015–2025), proses penajarannya di institusi pengajian tinggi masih berada pada fasa perkembangan dan memerlukan penyesuaian yang berterusan terhadap konteks institusi, kurikulum dan keperluan pelajar. Kajian sorotan sistematik oleh Che Musa et al. (2025) mengenal pasti bahawa pelaksanaan CEFR di institusi pengajian tinggi Malaysia masih berdepan beberapa cabaran utama,

termasuk penjajaran kurikulum, pembangunan kapasiti pensyarah, reka bentuk pentaksiran, adaptasi pedagogi serta penyesuaian terhadap konteks tempatan

Kajian-kajian terkini turut menunjukkan bahawa kejayaan pelaksanaan CEFR bukan hanya bergantung kepada perubahan dasar atau penyelarasan dokumen kurikulum, malah sangat dipengaruhi oleh tahap kesediaan dan kompetensi tenaga pengajar. Kajian Syed Husain et al. (2024) & Mohamad Uri (2023) mendapati bahawa warga pendidik di institusi pengajian tinggi masih memerlukan garis panduan yang lebih jelas, latihan profesional yang berterusan serta pembangunan bahan pengajaran yang bersesuaian bagi menterjemahkan deskriptor CEFR ke dalam amalan pengajaran. Tambahan itu, dimensi kesediaan kognitif, emosi dan persekitaran institusi dikenal pasti sebagai faktor yang mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan kurikulum berasaskan CEFR. Oleh itu, bagi menjayakan agenda transformasi pendidikan bahasa di peringkat pengajian tinggi di Malaysia, segala kewajaran yang berkaitan dengan warga pendidik perlu diberi perhatian penuh demi menjamin kelancaran proses berkenaan.

2.3 Kefahaman dan Persepsi Guru Terhadap CEFR

Warga pendidik merupakan agen utama yang menentukan kejayaan pelaksanaan CEFR. Ini kerana merekalah yang bertanggungjawab menterjemahkan prinsip, deskriptor dan standard kompetensi CEFR ke dalam perancangan kurikulum, strategi pengajaran serta pentaksiran bilik darjah. Oleh itu, tahap kefahaman guru terhadap kerangka CEFR dan pertimbangan kesesuaiannya dalam konteks pengajaran menjadi faktor utama yang mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan sesuatu reformasi kurikulum bahasa (Nguyen & Bui, 2016; Uri & Abd Aziz, 2020). Kajian sorotan oleh Kassim dan Hashim (2023) menunjukkan bahawa penerimaan guru terhadap CEFR adalah bersifat kompleks, iaitu berada antara pengiktirafan terhadap manfaat kerangka tersebut dengan kebimbangan terhadap aspek kesediaan, latihan profesional, kefahaman terhadap deskriptor serta kesesuaian pelaksanaannya dalam konteks tempatan. Dapatan ini menunjukkan bahawa persepsi positif terhadap CEFR tidak semestinya menjamin keupayaan guru untuk mengoperasikan kerangka tersebut dalam amalan pengajaran sebenar.

Selain aspek kefahaman, persepsi guru terhadap CEFR turut mempengaruhi tahap penerimaan dan kesediaan mereka melaksanakan perubahan pedagogi. Tao & Gao, (2021) menjelaskan bahawa kepercayaan, pengalaman dan pengetahuan guru membentuk kognisi profesional yang menentukan sejauh mana sesuatu inovasi kurikulum dapat diterjemahkan ke dalam amalan pengajaran sebenar. Guru yang mempunyai persepsi yang baik terhadap matlamat reformasi kurikulum didapati lebih bersedia menyesuaikan pendekatan pedagogi berbanding guru yang mempunyai persepsi yang kabur dan skeptikal.

Dalam konteks pendidikan tinggi Malaysia, kajian Khan et al. (2023) mendapati bahawa pelaksanaan CEFR masih berada pada tahap awal dan memerlukan proses adaptasi yang sistematik dan teliti. Ini kerana meskipun CEFR telah diterima sebagai rujukan dalam penyusunan kurikulum bahasa, beberapa cabaran masih wujud berkaitan penjajaran kursus, pembangunan bahan pengajaran dan kefahaman tenaga pengajar terhadap keperluan kerangka tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa faktor kefahaman dan persepsi pensyarah merupakan elemen penting dalam memastikan pelaksanaan CEFR tidak hanya berlaku pada tahap polisi, tetapi diterjemahkan dalam amalan pedagogi di universiti

3. Metod Kajian

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk deskriptif. Pemilihan reka bentuk ini bertujuan untuk meneroka fenomena semasa serta mendapatkan gambaran objektif mengenai tahap kefahaman dan persepsi guru bahasa Arab terhadap penajajaran tahap CEFR dalam kurikulum di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Pendekatan deskriptif dianggap paling sesuai kerana ia membolehkan pengkaji mengenal pasti sikap, kefahaman serta persepsi pelaksana terhadap sesuatu fenomena tanpa melakukan manipulasi terhadap pemboleh ubah kajian (Creswell & Creswell, 2018).

3.2 Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian terdiri daripada tenaga pengajar Bahasa Arab di Unit Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU) dan Pusat Tamhidi, USIM. Kajian ini menggunakan kaedah pensampelan bertujuan (*purposive sampling*), di mana seramai 17 orang responden dipilih berdasarkan pengalaman langsung, kepakaran, dan keterlibatan aktif dalam pengajaran kursus Bahasa Arab yang berkaitan dengan usaha penajajaran CEFR. Responden yang dipilih mestilah memenuhi beberapa kriteria operasi yang jelas, iaitu: (i) mengajar kursus Bahasa Arab tahap A1–B1 di FPBU atau Pusat Tamhidi; (ii) pernah mengikuti bengkel, taklimat, atau sesi latihan berkaitan CEFR; dan (iii) terlibat dalam penyediaan, pelaksanaan, atau penilaian kurikulum Bahasa Arab di USIM.

3.3 Instrumen Kajian

Instrumen kajian ini berbentuk soal selidik berstruktur yang dibangunkan melalui proses adaptasi dan pengubahsuaian daripada beberapa instrumen terdahulu yang telah digunakan dalam kajian berkaitan pelaksanaan *Common European Framework of Reference for Languages* (CEFR). Proses adaptasi ini bertujuan memastikan kesesuaian item dengan konteks penajajaran kurikulum bahasa Arab di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Soal selidik berskala Likert dibahagikan kepada tiga bahagian utama, iaitu (1) Bahagian A, mengandungi maklumat demografi responden, manakala (2) Bahagian B, merangkumi konstruk kefahaman terhadap CEFR dan (3) Bahagian C, menilai persepsi tenaga pengajarn terhadap penajajaran kurikulum bahasa Arab dengan CEFR. Item-item bagi konstruk kefahaman diadaptasi dan diubah suai daripada instrument yang dibangunkan oleh Faridah Abdul Malik et al. (2023) yang menilai tahap pengetahuan pensyarah terhadap kurikulum yang diajarkan dengan CEFR. Sementara itu, item-item bagi konstruk persepsi dibangunkan berdasarkan Mah dan Kaur (2022), yang turut mengadaptasi instrumen daripada Nguyen (2017) dan Teoh (2018) berkaitan persepsi guru terhadap pelaksanaan kurikulum berasaskan CEFR. Kesemua item telah disemak semula dari aspek kesesuaian istilah, kandungan dan konteks agar selaras dengan pengajaran bahasa Arab di institusi pengajian tinggi. Kesahan kandungan instrumen juga telah dinilai oleh dua orang pakar bidang untuk memastikan kesahan kandungan sebelum digunakan dalam kajian sebenar.

3.4 Kebolehpercayaan Instrumen

Analisis kebolehpercayaan instrumen kajian telah dijalankan menggunakan pekali Cronbach's Alpha (α) seperti ditunjukkan dalam jadual 1, bagi menilai tahap konsistensi dalaman item-item yang mengukur setiap konstruk kajian. Menurut Nunnally dan Bernstein (1994), nilai Cronbach's Alpha sekurang-kurangnya 0.70 menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang memuaskan, manakala nilai melebihi 0.80 mencerminkan tahap kebolehpercayaan yang tinggi.

Jadual 1: Nilai Alpha bagi setiap konstruk

Konstruk	Bilangan Item	Nilai Alpha (α)
kefahaman terhadap CEFR	10	0.886
Persepsi terhadap penjajaran kurikulum Bahasa Arab dengan CEFR	10	0.956

Dapatan analisis menunjukkan bahawa kedua-dua konstruk kajian mempunyai tahap kebolehpercayaan yang sangat baik. Konstruk Kefahaman terhadap CEFR (Bahagian B) yang mengandungi 10 item mencatatkan nilai Cronbach's Alpha = 0.886, manakala konstruk Persepsi terhadap Penjajaran Kurikulum Bahasa Arab dengan CEFR (Bahagian C) yang turut mengandungi 10 item memperoleh nilai Cronbach's Alpha = 0.956. Oleh itu, kedua-dua konstruk memenuhi kriteria kebolehpercayaan yang disyorkan dan menunjukkan bahawa instrumen kajian mempunyai tahap konsistensi dalaman yang tinggi serta sesuai digunakan dalam kajian sebenar.

3.5. Prosedur Pengumpulan Data

Data kajian dikumpulkan melalui pengedaran soal selidik kepada Guru bahasa Arab di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Sebelum pengumpulan data dijalankan, setiap responden diberikan penerangan mengenai tujuan kajian dan dimaklumkan bahawa penyertaan adalah secara sukarela. Persetujuan dimaklumkan (*informed consent*) diperoleh daripada semua responden, dan mereka diberi jaminan bahawa segala maklumat yang dikemukakan adalah sulit serta hanya digunakan bagi tujuan penyelidikan. Bagi memastikan pematuhan terhadap etika penyelidikan, identiti responden dirahsiakan dan semua data dianalisis secara agregat tanpa melibatkan sebarang pengenalan individu. Setelah semua soal selidik diterima, proses saringan data (*data screening*) dilaksanakan bagi memastikan setiap respons adalah lengkap, konsisten dan memenuhi keperluan analisis statistik sebelum dianalisis menggunakan Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 29.0.

3.4 Kaedah Analisis Data

Data yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian statistik (SPSS) versi 29.0. Analisis dijalankan dalam dua peringkat, iaitu peringkat pertama melibatkan analisis statistik deskriptif bagi menghuraikan profil demografi responden berdasarkan kekerapan dan peratusan. Manakala peringkat kedua melibatkan analisis deskriptif terhadap konstruk kefahaman terhadap CEFR dan persepsi terhadap penjajaran kurikulum Bahasa Arab dengan CEFR menggunakan nilai min dan sisihan piawai.

Interpretasi skor min adalah berdasarkan julat yang dikemukakan oleh Pallant (2020) seperti dalam jadual 2, iaitu skor min antara 1.00–2.33 ditafsirkan sebagai rendah, 2.34–3.66 sebagai sederhana, dan 3.67–5.00 sebagai tinggi.

Jadual 2: Jadual interpretasi min

Julat Min	Interpretasi
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

Pendekatan ini membolehkan tahap kefahaman dan persepsi pensyarah terhadap penjajaran kurikulum Bahasa Arab dengan CEFR dikenal pasti secara sistematik dan mudah ditafsirkan.

4. Dapatan Kajian

Dapatan daripada tinjauan dilaporkan dalam bahagian ini mengikut objektif kajian seperti berikut:

4.1 Profil Demografi Responden

Kajian ini melibatkan 17 orang tenaga pengajar yang terdiri daripada Guru Bahasa Arab Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang dipilih sebagai responden kajian. Profil demografi responden merangkumi jantina, gred jawatan, pengalaman mengajar dan penyertaan dalam kursus berkaitan *Common European Framework of Reference for Languages* (CEFR). Ringkasan profil responden dipaparkan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Profil Demografi Responden

Pemboleh Ubah	Kategori	Kekerapan	Peratus %
Jantina	Lelaki	7	41.2
	Perempuan	10	58.8
Gred Jawatan	DG9	3	17.6
	DG10	2	11.8
	DG12	2	11.8
	DG13	10	58.8
Pengalaman Mengajar	0–3 tahun	3	17.6
	4–7 tahun	1	5.9
	13–20 tahun	7	41.2
	>20 tahun	6	35.3
Penyertaan Kursus CEFR	Dalam USIM	10	58.8
	Luar USIM	1	5.9
	Dalam & Luar USIM	6	35.3

Dari aspek jantina, responden perempuan mencatatkan bilangan yang lebih tinggi iaitu 10 orang (58.8%), berbanding 7 orang (41.2%) responden lelaki. Walaupun terdapat sedikit ketidakseimbangan dari segi jantina, taburan tersebut tidak dijangka mempengaruhi objektif kajian memandangkan fokus penyelidikan adalah terhadap tahap kefahaman dan persepsi profesional pensyarah terhadap penjajaran kurikulum Bahasa Arab dengan CEFR.

Dari segi gred jawatan, majoriti responden terdiri daripada guru bahasa gred DG13 iaitu 10 orang (58.8%), diikuti oleh gred DG9 seramai 3 orang (17.6%), manakala gred DG10 dan DG12 masing-masing diwakili oleh 2 orang (11.8%). Taburan ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden berada pada gred akademik yang lebih tinggi, sekali gus

menggambarkan pengalaman yang luas dalam pelaksanaan kurikulum dan proses pengajaran Bahasa Arab di peringkat universiti.

Profil pengalaman mengajar turut memperlihatkan bahawa responden merupakan kumpulan yang berpengalaman. Seramai 7 orang (41.2%) mempunyai pengalaman mengajar antara 13 hingga 20 tahun, manakala 6 orang (35.3%) telah berkhidmat selama lebih daripada 20 tahun. Hanya 4 orang (23.5%) mempunyai pengalaman mengajar kurang daripada lapan tahun. Keadaan ini menunjukkan bahawa sebahagian besar responden telah melalui pelbagai perubahan kurikulum dan dasar pendidikan tinggi, sekali gus menjadikan mereka kelompok yang sesuai untuk menilai kesesuaian penjajaran kurikulum Bahasa Arab dengan CEFR.

Bagi aspek pendedahan terhadap CEFR, semua responden pernah mengikuti sekurang-kurangnya satu kursus berkaitan CEFR. Majoriti responden (58.8%) mengikuti kursus yang dianjurkan di dalam USIM, manakala 35.3% pernah mengikuti kursus di dalam dan di luar USIM. Hanya 5.9% responden mengikuti kursus di luar USIM sahaja. Dapatan ini menunjukkan bahawa keseluruhan responden mempunyai pengalaman latihan berkaitan CEFR, sekali gus memberikan asas yang kukuh untuk menilai tahap kefahaman dan persepsi mereka terhadap penjajaran kurikulum Bahasa Arab universiti dengan CEFR.

Secara keseluruhannya, profil demografi kajian memperlihatkan bahawa responden terdiri daripada Guru Bahasa Arab yang berpengalaman, mempunyai pelbagai kepakaran dalam bidang Bahasa Arab serta telah memperoleh pendedahan formal berkaitan CEFR. Justeru, ciri-ciri tersebut menyokong kesesuaian mereka sebagai responden untuk memberikan penilaian yang berasaskan pengalaman profesional terhadap isu penjajaran kurikulum Bahasa Arab universiti dengan CEFR.

4.2 Kefahaman Guru Bahasa Arab Terhadap Penjajaran Kurikulum Berasaskan CEFR

Bahagian ini bertujuan untuk menjawab objektif kajian, iaitu mengenal pasti tahap kefahaman pensyarah Bahasa Arab di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) terhadap penjajaran kurikulum berasaskan *Common European Framework of Reference for Languages* (CEFR). Dapatan kajian dipaparkan dalam Jadual 4 yang memuatkan skor min dan sisihan piawai (SD) bagi setiap item yang dikaji.

Jadual 4: Tahap Kefahaman Guru Bahasa Arab Terhadap Penjajaran Kurikulum Berasaskan CEFR

ITEM	PENYATAAN	SKOR MIN	SISIHAN PIAWAI
1	Saya memahami struktur tahap CEFR daripada A1 hingga C2.	4.24	0.56
2	Saya mengetahui perbezaan ciri kecekapan bahasa bagi setiap tahap CEFR.	3.88	0.49
3	Saya memahami konsep "can-do descriptors" dalam CEFR.	4.06	0.56
4	Saya dapat mengaitkan hasil pembelajaran kursus Bahasa Arab dengan tahap CEFR yang bersesuaian.	3.94	0.56

5	Saya memahami peranan CEFR dalam perancangan kurikulum berasaskan hasil pembelajaran (OBE).	3.88	0.49
6	Saya mengetahui bagaimana CEFR digunakan dalam penilaian kemahiran bahasa.	4.06	0.56
7	Saya memahami hubungan antara CEFR dan kemahiran berbahasa (mendengar, bertutur, membaca, menulis).	4.18	0.39
8	Saya dapat mentafsir deskriptor CEFR untuk tujuan pengajaran Bahasa Arab.	3.94	0.56
9	Saya memahami perbezaan antara tahap kecekapan linguistik dan tahap penguasaan kemahiran bahasa dalam CEFR.	3.82	0.73
10	Saya jelas tentang fungsi CEFR sebagai kerangka rujukan dan bukan silibus kandungan.	4.12	0.49

Berdasarkan Jadual 4, tahap kefahaman guru Bahasa Arab di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) terhadap penjajaran kurikulum berasaskan CEFR secara keseluruhannya berada pada tahap tinggi dengan purata min keseluruhan sebanyak 4.01 (SD = 0.54). Kesemua 10 item yang dikaji berada dalam kategori tahap tinggi (skor min ≥ 3.82), menunjukkan bahawa majoriti responden memiliki pengetahuan asas yang baik berkaitan prinsip, struktur dan fungsi CEFR dalam konteks pendidikan bahasa di peringkat universiti.

Analisis item secara terperinci menunjukkan bahawa item yang mencatatkan skor min tertinggi ialah item (1), iaitu "Saya memahami struktur tahap CEFR daripada A1 hingga C2" (Min = 4.24, SD = 0.56), diikuti item (5), "Saya memahami hubungan antara CEFR dan kemahiran berbahasa" (Min = 4.18, SD = 0.39). Kedua-dua dapatan ini menunjukkan bahawa guru mempunyai penguasaan yang baik terhadap aspek konseptual dan struktur asas CEFR, khususnya berkaitan hierarki tahap kecekapan bahasa dan integrasi empat kemahiran bahasa utama.

Selain itu, item 10 yang berkaitan dengan kefahaman bahawa CEFR merupakan kerangka rujukan dan bukannya silibus turut mencatatkan skor tinggi (Min = 4.12, SD = 0.49). Dapatan ini penting kerana salah satu salah faham yang sering berlaku dalam pelaksanaan CEFR ialah kecenderungan untuk menganggap CEFR sebagai kandungan kurikulum yang perlu diajar secara langsung, sedangkan CEFR sebenarnya berfungsi sebagai kerangka penanda aras bagi pembangunan kurikulum, pengajaran dan pentaksiran (Council of Europe, 2020).

Walau bagaimanapun, analisis mendapati item (8), iaitu "Saya memahami perbezaan antara tahap kecekapan linguistik dan penguasaan kemahiran bahasa" mencatatkan skor min terendah (Min = 3.82, SD = 0.73). Item ini juga merekodkan peratusan respons neutral yang agak tinggi (35.3%), sekali gus menunjukkan wujudnya ketidakpastian konseptual dalam kalangan sebahagian responden terhadap perbezaan antara kompetensi linguistik dan kompetensi komunikatif sebagaimana diuraikan dalam kerangka CEFR.

Corak yang sama turut diperhatikan pada item (6) berkaitan kebolehan mentafsir deskriptor CEFR untuk tujuan pengajaran Bahasa Arab (Min = 3.94, SD = 0.56) dan item (7) berkaitan kebolehan menghubungkan hasil pembelajaran kursus dengan tahap CEFR (Min = 3.94, SD = 0.56). Dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun tahap kefahaman konseptual terhadap CEFR adalah tinggi, aspek pengoperasian dan penterjemahan CEFR ke dalam amalan pedagogi masih memerlukan pengukuhan lanjut.

4.3 Persepsi Guru Bahasa Arab Terhadap Penjajaran Kurikulum Berasaskan CEFR

Seterusnya, bahagian ini mengupas dapatan berkaitan objektif kedua iaitu menilai persepsi tenaga pengajar Bahasa Arab di USIM terhadap penjajaran kurikulum berasaskan *Common European Framework of Reference for Languages* (CEFR). Ringkasan analisis bagi pemboleh ubah ini ditunjukkan dalam Jadual 5 yang merangkumi taburan skor min serta sisihan piawai (SD) bagi setiap item.

Jadual 5: Persepsi Guru Bahasa Arab Terhadap Penjajaran Kurikulum Berasaskan CEFR

ITEM	PENYATAAN	SKOR MIN	SISIHAN PIAWAI
1	CEFR merupakan keperluan dalam pendidikan bahasa Arab di peringkat universiti.	4.24	0.664
2	CEFR menyediakan kerangka rujukan yang jelas untuk penarafan tahap penguasaan Bahasa Arab pelajar.	4.24	0.752
3	Pelaksanaan CEFR dapat meningkatkan kualiti pengajaran Bahasa Arab secara keseluruhan.	4.24	0.664
4	Penjajaran CEFR membantu menyelaraskan objektif pembelajaran dengan keperluan sebenar pelajar.	4.35	0.493
5	CEFR sesuai diaplikasikan dalam konteks pengajaran Bahasa Arab sebagai salah satu bahasa utama di USIM.	4.35	0.493
6	Pendekatan CEFR menyokong pengajaran Bahasa Arab yang berorientasikan kemahiran komunikasi.	4.41	0.507
7	CEFR memberi nilai tambah kepada kredibiliti kurikulum Bahasa Arab di institusi pengajian tinggi.	4.35	0.493
8	Penggunaan CEFR membantu guru melihat perkembangan pelajar secara lebih sistematik.	4.24	0.437
9	Penjajaran CEFR mengukuhkan identiti dan ciri keilmuan Bahasa Arab.	3.94	0.827
10	Saya bersikap positif terhadap usaha penjyelarasan tahap Bahasa Arab berasaskan CEFR.	4.35	0.606

Berdasarkan analisis keseluruhan, persepsi tenaga pengajar terhadap penjajaran kurikulum Bahasa Arab dengan CEFR berada pada tahap yang tinggi dengan julat skor min keseluruhan bernilai 4.27 (SD = 0.59). Kesemua 10 item yang dikaji berada dalam kategori tahap tinggi (skor min ≥ 3.94), yang membuktikan bahawa para pensyarah secara umumnya memberikan respons yang sangat positif dan menyokong penuh usaha penstrukturan semula kurikulum ini.

Item 6, iaitu "Pendekatan CEFR menyokong pengajaran Bahasa Arab yang berorientasikan kemahiran komunikasi" mencatatkan skor min tertinggi iaitu 4.41 (SD = 0.507). Ini disusuli rapat oleh Item 4, 5, 7, dan 10 yang kesemuanya mencatatkan skor min 4.35. Dapatan ini menunjukkan bahawa para guru mengiktiraf kesesuaian kerangka CEFR dengan peranan USIM serta bersikap positif terhadap penjajaran tersebut.

Sebanyak empat item merekodkan skor sederhana tinggi pada min 4.24, iaitu item (1) melibatkan keakuran bahawa CEFR merupakan keperluan universiti, item (2), CEFR menyediakan kerangka penarafan yang jelas, item (3), CEFR meningkatkan kualiti pengajaran dan item (4) CEFR membantu pemantauan perkembangan pelajar secara sistematik.

Manakala Item (9), iaitu "Penjajaran CEFR mengukuhkan identiti dan ciri keilmuan Bahasa Arab" mencatatkan skor min terendah dalam kalangan kesemua item, iaitu 3.94 (SD = 0.827). Nilai sisihan piawai yang agak besar (SD = 0.827) berbanding item-item lain menunjukkan terdapat sedikit variasi atau perbezaan pandangan dalam kalangan responden. Ini menggambarkan sebilangan kecil tenaga pengajar masih bersikap berhati-hati dan teliti mengenai sejauh mana kerangka barat seperti CEFR mampu memelihara acuan dan identiti keilmuan tradisi (turath) Bahasa Arab.

5. Perbincangan

5.1 Kefahaman Guru Bahasa Arab Terhadap Penjajaran Kurikulum Berasaskan CEFR

Tahap kefahaman keseluruhan yang tinggi dalam kajian ini menunjukkan bahawa guru Bahasa Arab di USIM telah mempunyai asas literasi CEFR yang memadai untuk menyokong usaha Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menjajarkan kurikulum universiti dengan standard antarabangsa. Kefahaman ini penting kerana CEFR berfungsi sebagai rujukan standard antarabangsa dalam menentukan tahap kecekapan bahasa serta menyokong pembangunan kurikulum, pengajaran dan pentaksiran yang lebih sistematik (Council of Europe, 2020). Dalam konteks ini, kefahaman guru terhadap sesuatu inovasi kurikulum dianggap prasyarat utama kepada kejayaan pelaksanaannya kerana persepsi dan pengetahuan guru akan menentukan sejauh mana perubahan tersebut diterjemahkan ke dalam amalan pengajaran sebenar (Fullan, 2007; Nevenglosky et al., 2019).

Penguasaan terhadap struktur enam tahap CEFR (A1–C2) serta hubungannya dengan kemahiran bahasa menunjukkan bahawa tenaga pengajar memahami asas kompetensi komunikatif yang menjadi teras CEFR. Hal ini selaras dengan pendekatan berorientasikan tindakan yang mengutamakan penggunaan bahasa dalam konteks sebenar, bukan sekadar penguasaan struktur linguistik secara terasing. Pendekatan ini penting dalam pengajaran Bahasa Arab di universiti bagi memastikan pelajar mampu menggunakan bahasa secara autentik dan bermakna dalam pelbagai situasi komunikasi sebenar (Council of Europe, 2020).

Selain itu, dapatan kajian turut menunjukkan bahawa tenaga pengajar memahami CEFR sebagai kerangka rujukan, bukan silibus kandungan. Kefahaman ini penting kerana CEFR tidak menetapkan kandungan pengajaran, sebaliknya menyediakan deskriptor tahap kecekapan yang perlu disesuaikan dengan konteks institusi. Namun, kajian ini juga mendapati bahawa aspek interpretasi deskriptor dan aplikasi dalam pentaksiran masih berada pada tahap mencabar. Walaupun responden mengetahui kewujudan *can-do descriptors*, sebahagian daripada mereka masih menghadapi kesukaran untuk menterjemahkan deskriptor tersebut kepada objektif pembelajaran, aktiviti pedagogi dan instrumen pentaksiran yang sesuai. Masalah ini turut dilaporkan dalam beberapa kajian (Sidhu et al., 2018; Mohammed et al., 2021) yang menunjukkan bahawa guru sering memahami CEFR pada tahap deklaratif tetapi menghadapi cabaran pada tahap prosedural dan operasional. Oleh itu, penggunaan CEFR secara berkesan memerlukan latihan profesional yang berterusan bagi memastikan keseragaman dalam penilaian dan pengajaran (Uri & Abd Aziz, 2018).

Dari sudut pelaksanaan, integrasi CEFR dengan *Outcome-Based Education* (OBE) memerlukan penjajaran yang jelas antara hasil pembelajaran, aktiviti pengajaran dan pentaksiran. Hal ini menuntut kefahaman mendalam terhadap prinsip penjajaran

konstruktif (*constructive alignment*) bagi memastikan kurikulum dilaksanakan secara konsisten dan berkesan. Manakala perbezaan antara kecekapan linguistik dan penguasaan kemahiran bahasa antara perkara yang perlu difahami secara teliti. Ini kerana kompetensi bahasa dalam CEFR, tidak hanya ditakrifkan melalui penguasaan sistem linguistik seperti tatabahasa, morfologi atau sintaksis, sebaliknya melibatkan integrasi kompetensi linguistik, sociolinguistik dan pragmatik yang membolehkan pengguna bahasa melaksanakan tugas komunikasi dalam situasi sebenar (Council of Europe, 2020).

Jika ditelusuri konteks pendidikan Bahasa Arab di Malaysia, ianya secara tradisional jelas dipengaruhi oleh corak struktural dan berpusatkan tatabahasa. Penekanan terhadap penguasaan nahu dan sorf menyebabkan kejayaan pembelajaran sering diukur berdasarkan ketepatan bentuk linguistik semata-mata, berbanding keberkesanan penggunaan bahasa untuk tujuan komunikasi. Sebaliknya, CEFR berasaskan pendekatan action-oriented, iaitu melihat pelajar sebagai agen sosial yang menggunakan bahasa untuk menyelesaikan tugas dan berinteraksi dalam konteks sosial tertentu (Piccardo & North, 2019). Perbezaan falsafah ini berpotensi mewujudkan konflik konseptual dalam kalangan guru apabila mereka cuba menyesuaikan pendekatan tradisional pengajaran Bahasa Arab dengan paradigma komunikatif CEFR.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa guru Bahasa Arab USIM mempunyai tahap kefahaman yang tinggi terhadap konsep asas CEFR. Walau bagaimanapun, aspek yang melibatkan aplikasi praktikal seperti pemetaan hasil pembelajaran kepada tahap CEFR, interpretasi deskriptor secara konsisten, pembezaan antara kompetensi linguistik dengan prestasi komunikasi, serta penjajaran CEFR dengan kerangka OBE masih memerlukan pengukuhan melalui latihan profesional yang berterusan.

5.2 Persepsi Guru Bahasa Arab Terhadap Penjajaran Kurikulum Berasaskan CEFR

Secara keseluruhannya, persepsi guru Bahasa Arab USIM menunjukkan satu naratif yang sangat positif terhadap kesediaan dan penerimaan bagi penjajaran dan pelaksanaan *Common European Framework of Reference for Languages* (CEFR) dalam pendidikan Bahasa Arab di peringkat universiti. Persepsi positif ini dapat dilihat melalui empat perbincangan utama yang saling berkait, iaitu transformasi pedagogi, penyelarasan pentaksiran, pengantarabangsaan kurikulum, dan keperluan penyetempatan (*localization*).

Dapatan utama kajian menunjukkan kesepakatan tertinggi responden bahawa CEFR sangat menyokong pengajaran Bahasa Arab yang memfokuskan kepada kemahiran komunikasi. Hal ini menandakan wujudnya kesedaran untuk melakukan transformasi daripada kaedah pengajaran tradisional yang dilihat sarat dengan penumpuan tatabahasa kepada pendekatan yang lebih praktikal dengan situasi sebenar. Transformasi ini amat bertepatan dengan aspirasi CEFR yang mengangkat pendekatan berorientasikan tindakan (*action-oriented approach*), di mana bahasa tidak lagi dilihat sekadar satu sistem struktur, tetapi sebagai instrumen untuk melaksanakan tugas dalam konteks dunia sebenar (Council of Europe, 2020). Pendekatan ini memperkasakan pelajar Bahasa Arab untuk berfungsi sebagai pengguna bahasa yang aktif (*social agents*) berbanding penerima ilmu yang pasif.

Kajian ini turut membuktikan bahawa CEFR diiktiraf sebagai kerangka yang membekalkan indikator yang jelas untuk menilai dan mengukur tahap penguasaan bahasa pelajar secara sistematik. Dalam ekosistem pengajian tinggi, penilaian yang telus amat kritikal. Penggunaan skala deskriptor kualitatif seperti (*Can-Do statements*) membolehkan tenaga pengajar menyelaraskan objektif pembelajaran dengan keperluan praktikal pelajar. Menurut Brunfaut dan Harding (2023), kewujudan kerangka pentaksiran yang standard di peringkat institusi bukan sahaja mengurangkan bias dalam pengujian, malah ia merapatkan jurang jangkaan antara tenaga pengajar, pelajar, dan keperluan pasaran kerja.

Selain itu, penerimaan dalam kalangan guru bahawa penjajaran CEFR merupakan satu keperluan semasa, ianya jelas mencerminkan usaha institusi ke arah pengantarabangsaan kurikulum Bahasa Arab. Apabila program bahasa diajarkan dengan piawaian antarabangsa, ia secara langsung melonjakkan kredibiliti program tersebut di mata global. CEFR kini telah melangkaui sempadan Eropah dan berfungsi sebagai dokumen dasar silang negara yang menjadi penanda aras dalam pengiktirafan sijil dan kelayakan berbahasa (Deygers, 2021). Bagi USIM, langkah strategik ini memudahkan proses mobiliti pelajar, pemindahan kredit antarabangsa, serta meningkatkan kebolehpasaran graduan yang memiliki kelayakan bahasa yang diiktiraf pada peringkat global.

Walaupun bagaimanapun, bagi pernyataan “keupayaan CEFR mengukuhkan identiti dan ciri keilmuan Bahasa Arab’, dapatan mencatatkan persetujuan yang sedikit berbeza berbanding elemen lain. Hal ini mencetuskan perbincangan penting mengenai cabaran kontekstualisasi dalam CEFR. Memandangkan kerangka CEFR asalnya dirangka untuk bahasa dan geografi Eropah, warga pendidik berkemungkinan menyedari keperluan untuk melakukan asimilasi yang teliti dan berhati-hati. Nilai keilmuan tradisi Islam dan epistemologi Bahasa Arab (seperti Balaghah dan Nahu tahap tinggi) tidak boleh dikompromi. Realiti ini selari dengan pandangan Uri dan Abd Aziz (2020) yang menegaskan bahawa pelaksanaan CEFR di Malaysia menuntut penyesuaian (adaptasi) dasar mengikut konteks tempatan agar ia tidak bertembung dengan budaya dan falsafah pendidikan sedia ada.

6. Kesimpulan

Kajian yang dijalankan secara kuantitatif ini bertujuan untuk (i) mengenal pasti tahap kefahaman guru Bahasa Arab di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) terhadap struktur, tahap, dan komponen utama *Common European Framework of Reference for Languages* (CEFR) dalam pelaksanaan kurikulum Bahasa Arab peringkat universiti, dan (ii) menganalisis persepsi guru Bahasa Arab terhadap keberkesanan pelaksanaan CEFR. Kajian ini merumuskan bahawa pelaksanaan penjajaran kerangka (CEFR) dalam kurikulum Bahasa Arab di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mendapat persepsi dan sokongan yang amat positif daripada warga pendidik. Analisis menunjukkan bahawa guru Bahasa Arab mengiktiraf peranan CEFR sebagai pemangkin kepada anjakan transformasi pedagogi yang lebih berpusatkan komunikasi, selari dengan keperluan semasa pengajaran bahasa moden. Selain itu, kerangka antarabangsa ini terbukti relevan dalam menyediakan panduan pentaksiran yang berstruktur serta berupaya melonjakkan kredibiliti kurikulum Bahasa Arab di institusi pengajian tinggi ke peringkat global. Walaupun terdapat keperluan yang wajar untuk memperhalusi aspek penyesuaian dengan konteks tempatan bagi memastikan kelestarian identiti keilmuan

Bahasa Arab, namun tahap kesediaan dan keterbukaan pendidik secara keseluruhannya berada pada tahap yang sangat memberangsangkan.

Dari sudut implikasi, dapatan kajian ini memberikan isyarat yang jelas kepada pihak penggubal dasar, pembangun kurikulum, dan pengurusan universiti untuk terus menterjemahkan kerangka CEFR ke dalam ekosistem pengajaran secara praktikal dan menyeluruh. Usaha pembinaan kapasiti seperti latihan berterusan dan bengkel pembinaan rubrik pentaksiran berasaskan CEFR perlu dipergiat agar pensyarah dapat mengaplikasikannya di dalam bilik kuliah dengan berkesan. Dalam masa yang sama, dapatan ini mendesak keperluan untuk membangunkan satu garis panduan khusus bagi mengadaptasi deskriptor CEFR agar selari dengan landskap epistemologi dan konteks budaya dan keagamaan tempatan.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Penyertaan responden adalah secara sukarela dan persetujuan telah diperoleh sebelum pengumpulan data dijalankan. Identiti responden dirahsiakan dan data digunakan hanya untuk tujuan akademik.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada responden yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian ini dibiayai oleh Universiti Sains Islam Malaysia melalui Geran Penyelidikan Pusat Tanggungjawab (PTJ) [PPPI/PTJ/FPBU/USIM/14825].

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarang atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

- Abd Gani, M. I., Nawawi, M. A. A. M., Yaacob, H., Shaid, N. M., & Said, M. (2025, August). Transformation of Arabic Language Education: Aligning CEFR with the Needs of Holistic Islamic Literacy. In *International Conference on Islamic Economics (ICIE)* (Vol. 2, pp. 89-97).
- Abdul Malik, F., Ahmad, L. A., & Salleh, N. L. (2023). *Teachers' knowledge and perception of CEFR-aligned curriculum. In Research Insights in Teaching and Learning* (pp. 2–16). Centre for Languages and Pre-University Academic Development (CELPAD), International Islamic University Malaysia.
- Abdul Malik, F., Ahmad, L. A., & Salleh, N. L. (2025). Exploring CEFR implementation in Arabic language teaching: Knowledge, perceptions and challenges among teachers. *International Journal of Research and Innovation in Social Science*, 9(10), 673–687. <https://doi.org/10.47772/IJRISS.2025.910000673>

- Abdullah, M. R., Yaakob, M. A., Zulkifli, M. F., & Sahrir, M. S. (2023). A Review of Studies Related to Arabic Language Learning Based on the Common European Framework of Reference for Language (CEFR). *Ijaz Arabi Journal of Arabic Learning*, 6(2), 463-475. <https://doi.org/10.18860/ijazarabi.v6i2.20386>
- Alih, N. A. C., Abdul Raof, A. H., & Md. Yusof, M. A. (2021). Policy change implementation: The case of the CEFR in Malaysian ESL classrooms. *Journal of Nusantara Studies*, 6(2), 296–317. <https://doi.org/10.24200/jonus.vol6iss2pp296-317>
- Beacco, J.-C., Byram, M., Cavalli, M., Coste, D., Cuenat, M. E., Goullier, F., & Panthier, J. (2016). *Guide for the development and implementation of curricula for plurilingual and intercultural education*. Council of Europe.
- Biggs, J., & Tang, C. (2022). *Teaching for Quality Learning at University (5th ed.)*. Routledge.
- Brunfaut, T., & Harding, L. (2020). International language proficiency standards in the local context: Interpreting the CEFR in standard setting for exam reform in Luxembourg. *Assessment in Education: Principles, Policy & Practice*, 27(2), 215–231. <https://doi.org/10.1080/0969594X.2019.1700213>
- Che Musa, N., Mohd Adaha, S. A., Nuraddin, N. N., Fakhrul Anuar, M., Ramachandran, D., & Khaidzir, M. F. S. (2025). CEFR implementation in Malaysian higher education: A scoping review of strategies and challenges. *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 26(1), 125–144.
- Council of Europe. (2020). *Common European Framework of Reference for Languages: learning, teaching, assessment: companion volume*. Council of Europe Publishing, Strasbourg. <http://www.coe.int/lang-cefr>.
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2018). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches (5th ed.)*. SAGE Publications.
- Deygers, B. (2021). The CEFR Companion Volume: Between research-based policy and policy-based research. *Applied Linguistics*, 42(1), 186–191. <https://doi.org/10.1093/applin/amz024>
- Fulcher, G., & Harding, L. (2021). *The Routledge Handbook of Language Testing (2nd ed.)*. Routledge.
- Fullan, M. (2016). *The New Meaning of Educational Change (5th ed.)*. Teachers College Press.
- Graves, K., & Garton, S. (2017). An analysis of three curriculum approaches to teaching English in public-sector schools. *Language Teaching*, 50(4), 441–482. <https://doi.org/10.1017/S0261444817000155>
- Kassim, N., & Hashim, H. (2023). Common European Framework of Reference (CEFR): A review on its implementation in ESL/EFL classrooms. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 13(12), 2991–3016. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v13-i12/20149>
- Khan, A. B. M. A., David, A. R., Ahmad, A. H., Ali, A., & Lah, S. C. (2023). Initial insights into CEFR adoption at a language faculty of a public university in Malaysia. *PASAA: Journal of Language Teaching and Learning*, 67, 330–360. <https://doi.org/10.58837/CHULA.PASAA.67.1.11>
- Little, D. (2011). The Common European Framework of Reference for Languages: A research agenda. *Language Teaching*, 44(3), 381–393.
- Mah, Z. J., & Kaur, P. (2022). The CEFR-aligned curriculum: Perspectives of Malaysian teachers. *Asian Journal of Research in Education and Social Sciences*, 4(1), 177–190. <https://doi.org/10.55057/ajress.2022.4.1.13>
- Mohamed, Salwa. (2023). The development of an Arabic curriculum framework based on a compilation of salient features from CEFR level descriptors. *The Language Learning Journal*, 51(1), 33–47. <https://doi.org/10.1080/09571736.2021.1923781>

- Mohammed, N. A., Abdul Raof, A. H., & Md Yusof, M. A. (2021). Challenges in implementing the CEFR in English language classrooms. *LSP International Journal*, 8(1), 115–128. <https://doi.org/10.11113/lspi.v8.17977>
- Nevenglosky, E. A., Cale, C., & Aguilar, K. W. (2019). Barriers to effective curriculum implementation and implications for educator practice. *European Journal of Educational Research*, 8(1), 197–217.
- Nguyen, H. T. M., & Bui, T. (2016). Teachers' agency and the enactment of educational reform in Vietnam. *Current Issues in Language Planning*, 17(1), 88–105. <https://doi.org/10.1080/14664208.2016.1125664>
- Nguyen, N. T. (2017). EFL teachers' perceptions towards the use of CEFR-V. *European Journal of English Language Teaching*, 2(4), 74–86.
- North, B. (2014). *The CEFR in practice*. Cambridge University Press.
- Nunnally, J. C., & Bernstein, I. H. (1994). *Psychometric theory* (3rd ed.). McGraw-Hill.
- Pallant, J. (2020). *SPSS survival manual: A step by step guide to data analysis using IBM SPSS* (7th ed.). McGraw-Hill Education.
- Piccardo, E., & North, B. (2019). *The Action-oriented Approach: A Dynamic Vision of Language Education*. Multilingual Matters.
- Sidhu, G. K., Kaur, S., & Lee, J. C. (2018). CEFR-aligned school-based assessment in the Malaysian primary ESL classroom. *Indonesian Journal of Applied Linguistics*, 8(2), 452–463.
- Syed Husain, S. S., Munchar, J., Abdul Kadir, Z., Thevarajoo, T. P. D., & Megat Khalid, P. Z. (2024). Theory to practice: Lecturers' readiness in implementing a CEFR-aligned tertiary curriculum. *International Journal of Education*, 16(2). <https://doi.org/10.5296/ije.v16i2.21729>
- Tao, J., & Gao, X. (2021). *Language teacher agency in curriculum reform*. Cambridge University Press.
- Teoh, L. V. (2018). *Malaysian secondary school English teachers' perception towards the implementation of CEFR-aligned curriculum* (Unpublished Project Paper). Universiti Utara Malaysia.
- Uri, N. F. M., & Abd Aziz, M. S. (2018). Implementation of CEFR in Malaysia: Teachers' awareness and the challenges. *3L: The Southeast Asian Journal of English Language Studies*, 24(3), 168–183. <http://doi.org/10.17576/3L-2018-2403-13>
- Zaki, A. W., & Darmi, R. (2021). The implementation of CEFR in ESL learning: Why does it matter to the Malaysian education system? *Asian Journal of Assessment in Teaching and Learning*, 11(2), 1–12.